

**SOALAN NO: 102**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**  
**[SEKIJANG]**  
**TARIKH : 17 OKTOBER 2016**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah terkini Klinik 1Malaysia di seluruh negara dan adakah kementerian bercadang untuk menempatkan pegawai perubatan di klinik tersebut bagi meluaskan skop rawatan terutamanya di kawasan yang terletak jauh dari klinik atau hospital kerajaan berbanding ketika ini yang hanya menempatkan penolong pegawai perubatan bagi mengendalikan kes-kes ringan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang melaksanakan penempatan pegawai perubatan di Klinik 1Malaysia secara berperingkat. Ini selaras dengan perlaksanaan Perluasan Skop Perkhidmatan yang diberikan di Klinik 1Malaysia. Sehingga 30 September 2016, sejumlah 342 Klinik 1Malaysia telah beroperasi

diseluruh negara. Dari jumlah tersebut, 103 buah telah mempunyai perkhidmatan pegawai perubatan berbanding 78 buah pada April tahun ini. Dari jumlah ini hanya 15 mempunyai perjawatan tetap manakala selebihnya merupakan penempatan secara pusingan (*rotational basis*) dari fasiliti kesihatan sedia ada.

Penempatan Pegawai Perubatan di Klinik 1Malaysia secara tetap melibatkan sumber dan sokongan dari pelbagai pihak. Ini kerana penempatan pegawai perubatan akan turut melibatkan pertambahan anggota kumpulan sokongan di K1M, khususnya Penolong Pegawai Farmasi bagi tujuan pendispensan ubat; serta pertambahan ruang Klinik 1Malaysia sedia ada. Untuk itu, sokongan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan diperlukan kerana melibatkan pertambahan perjawatan dan peruntukan.